

17 MAR 2000

Bank-Kerajaan

PENGERUSI BSN: HAK KERAJAAN UNTUK SIMPAN WANG DI BANK YANG SESUAI

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Kerajaan berhak untuk memilih bank yang dirasakan sesuai untuk urusan kewangannya, termasuk mengeluarkan deposit wang kepunyaan agensi-agensinya.

Pengerusi Bank Simpanan Nasional Abdul Azim Mohamad Zabidi berkata, seperti pelanggan individu, kerajaan tidak akan memilih untuk menyimpan wang di dalam bank yang kakitangannya sering memburuk-burukkannya.

"Kita sebagai manusia biasa akan keluarkan duit daripada bank itu dan simpan dalam bank lain.

"Jadi kalau kerajaan mengambil tindakan yang sama, itu memang hak dia. Apa sebab dia nak menguntungkan institusi yang tidak langsung menyokong dasar yang diperkenalkan oleh mereka?" katanya kepada Bernama dalam satu temu ramah di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan akan menghentikan urusan dengan bank-bank yang kakitangannya tidak boleh dipercayai kerana menggunakan maklumat rahsia pelanggan untuk kepentingan politik.

Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Ali Rustam mengumumkan kerajaan negeri itu akan mengeluarkan RM10 juta wang simpanan tetap agensinya yang disimpan di sebuah bank tempatan, dan kira-kira RM30 juta lagi bila sampai masanya kerana kakitangan bank itu menyokong pihak pembangkang.

Abdul Azim berkata institusi kewangan perlu menjaga kredibilitinya dengan menjadikan amanah dan kerahsiaan sebagai teras perkhidmatan.

"Kita menduduki jawatan yang telah diamanahkan. Salah satunya ialah untuk menyimpan rahsia, kalau amanah yang sedemikian rupa pun kita tak boleh simpan, apa lagi amanah yang besar?

"Saya harap mereka (kakitangan bank) yang terlibat menyokong parti pembangkang harus bersikap adil juga, jangan kita sibuk-sibuk melaungkan reformasi dan keadilan tetapi gerak-kerja tidak mencerminkan seseorang yang ingin menegakkan keadilan," katanya.

Abdul Azim berkata BSN akan memastikan kakitangannya tidak terlibat dengan kegiatan membocorkan rahsia kerajaan.

Abdul Azim berkata tindakan tegas akan diambil termasuk dipecat jika kakitangan BSN didapati melakukan perkara itu.

Beliau mengakui bahawa agak sukar untuk mengambil tindakan terhadap kakitangan yang membocorkan rahsia pelanggan, kecuali ada laporan yang spesifik terhadap seseorang kakitangan.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan bahawa tindakan kerajaan negeri Melaka mungkin akan dituruti oleh kerajaan negeri lain sekiranya keadaan sekarang berleluasa.

Abdul Azim turut mencadangkan cara mengurangkan salahguna maklumat rahsia di kalangan kakitangan bank iaitu dengan menghadkan akses sistem komputer kepada sebahagian kecil kakitangan sahaja.

--BERNAMA

raz/hbm RI